

## **Pelestarian Rukun Negara: Tinjauan Awal Dalam Kalangan Para Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Sabah dan Sarawak**

### *Sustainability of Rukun Negara: A Preliminary Survey Among Secondary School Students in the States of Sabah and Sarawak*

**Siti Nor Zakiah Saidi<sup>1\*</sup>, Mohamed Ali Haniffa<sup>2</sup>, Nor Azlah Sham Rambely<sup>3</sup>, Nurhijrah Zakaria<sup>4</sup>, Mohd Mahzan Awang<sup>5</sup> & Ayu Nor Azilah Mohamad<sup>6</sup>**

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, [zakiahsaidi@gmail.com](mailto:zakiahsaidi@gmail.com). 019-222 7620

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, [m.ali@uum.edu.my](mailto:m.ali@uum.edu.my) 019-978 8816

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, [azlah@uum.edu.my](mailto:azlah@uum.edu.my). 012-498 7435

<sup>4</sup> Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali Ismail. [nurhijrah@ipgm.edu.my](mailto:nurhijrah@ipgm.edu.my) 012-988 3814

<sup>5</sup> Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, [mahzan@ukm.edu.my](mailto:mahzan@ukm.edu.my). 013-220 0471

<sup>6</sup> Universiti Islam Selangor, [ayuazilah@uis.edu.my](mailto:ayuazilah@uis.edu.my). 013-664 1980

---

#### **ABSTRAK**

---

*Rukun Negara merupakan ideologi perpaduan yang diperkenalkan pada 31 Ogos 1970 rentetan peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969. Ideologi ini menggariskan lima prinsip utama yang bertujuan memupuk perpaduan dan kesetiaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Namun, cabaran dalam era globalisasi dan kepelbagaian budaya yang unik di Sabah dan Sarawak menimbulkan persoalan sejauh mana nilai-nilai ini dipraktikkan oleh generasi muda dalam kalangan pelajar sekolah. Sehubungan itu, cabaran dalam era globalisasi dan kepelbagaian budaya yang unik di Sabah dan Sarawak menimbulkan persoalan sejauh mana nilai-nilai ini dipraktikkan oleh generasi muda di kawasan tersebut. Untuk mengenalpasti pelestarian terhadap Rukun Negara di peringkat sekolah satu tinjauan awal telah dijalankan untuk mengkaji tahap pemahaman dan penghayatan prinsip Rukun Negara dalam kalangan pelajar sekolah menengah di negeri Sabah dan Sarawak. Seramai 120 orang responden yang dipilih secara rawak terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah campuran dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Bagi pendekatan kualitatif, penelitian terhadap sumber primer dari Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur seperti, UHEA 221 BHG. 3 (A) Rukunegara-Penerangan, JPN221 BHG.3 Jawatankuasa Rukunegara dan akhbar serta sumber sekunder seperti buku dirujuk. Bagi pendekatan kuantitatif kajian ini menggunakan perisian Stastical Package for Social Science (SPSS) versi 26.0 Hasil kajian mendapati bahawa tahap penghayatan pelajar berada pada min 5.132 lebih rendah berbanding tahap pemahaman min 5.610. Kesimpulannya, pelbagai pihak perlu menyebarkan*

---

*ideologi Rukun Negara secara bersepadu agar dipraktikkan dan dilestarikan dalam kalangan pelajar sekolah bagi menjamin kesepaduan nasional.*

*Kata Kunci: Rukun Negara; 13 Mei 1969; Jabatan Perpaduan; Institusi Pendidikan.*

---

### **ABSTRACT**

*The Rukun Negara is a national unity ideology introduced on 31st August 1970 in response to the racial riots of 13th May 1969. This ideology outlines five key principles aimed at fostering unity and loyalty among Malaysians. However, challenges in the era of globalization and the unique cultural diversity in Sabah and Sarawak raise questions about the extent to which these values are practiced by the younger generation, particularly among school students. To explore the preservation of Rukun Negara at the school level, a preliminary survey was conducted to assess the understanding and appreciation of its principles among secondary school students in Sabah and Sarawak. A total of 120 randomly selected respondents participated in this study. The study employed a mixed-method approach, incorporating both qualitative and quantitative methods. For the qualitative approach, primary sources from the National Archives of Malaysia, Kuala Lumpur, such as UHEA 221 BHG. 3 (A) Rukunegara- Penerangan, JPN221 BHG.3 Jawatankuasa Rukunegara, newspapers, and secondary sources like books were referenced. For the quantitative approach, this study utilized the Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 26.0. The results revealed that the students' appreciation level was at a mean score of 5.132, which was lower compared to their understanding level, with a mean score of 5.610. In conclusion, various stakeholders must work together to disseminate the ideology of Rukun Negara comprehensively, ensuring that it is practiced and preserved among school students to guarantee national cohesion.*

*Keywords: Rukun Negara; Unity Department; 13 May 1969; Educational Institution.*

**Received:** July 04, 2024

**Accepted:** Oct 10, 2024

**Online Published:** Nov 30, 2024

### **Pendahuluan**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan 2024, mendukung salah satu prinsip rukun negara iaitu kepercayaan kepada Tuhan. Falsafah tersebut memfokuskan perkembangan potensi individu secara menyeluruh, mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (<https://www.moe.gov.my>). Usaha ini akan memangkin keharmonian negara. Kepercayaan kepada Tuhan merupakan prinsip pertama dalam Rukun Negara. Hal ini dilaksanakan ekoran Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai etnik dan hidup secara bermasyarakat. Malaysia telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 namun, kemerdekaan yang dinikmati selama 12 tahun telah dicemarkan oleh peristiwa konflik perkauman pada 13 Mei 1969. Nor Azlah Sham Rambely (2018: 4) menjelaskan konflik perkauman ini tidak terjadi secara tiba-tiba tetapi wujud sewaktu penjajahan lagi. Richard (1984: 297) turut menggambarkan suasana di Kuala Lumpur berada dalam keadaan tegang sebelum pilihan raya pada tahun 1969. Menurut akhbar *The Straits Echo*, (1969 Vol. 64. No 114: 1) konflik perkauman tersebut telah melibatkan etnik Melayu dan bukan Melayu sehingga mengakibatkan kerosakan harta benda, kemusnahan tempat tinggal dan kematian. Rentetan rusuhan tersebut pada 15 Mei 1969, Yang Di-Pertuan Agong pada ketika itu telah

berkenan mengisytiharkan darurat yang meliputi seluruh negara. Selain itu juga, satu Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan bagi menangani konflik yang berlaku (Nik Anuar Nik Mahmud 2000:7). Leon Comber (1985:1) menjelaskan parlimen digantung selama 20 bulan dan negara diperintah oleh MAGERAN melalui Undang-Undang Darurat ini.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ialah untuk meneliti tahap pemahaman dan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan pelajar sekolah menengah di negeri Sabah dan Sarawak. Kajian ini juga turut mengenalpasti pelaksanaan untuk melestarikan lima prinsip Rukun Negara dalam kalangan pelajar sekolah.

### **Metodologi**

Kajian ini, menggunakan kaedah campuran bagi mengumpulkan data iaitu gabungan kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini membuat penelitian terhadap sumber primer dari Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur seperti UHEA 221 BHG. 3 (A) Rukunegara- Penerangan, JPN221 BHG.3 Jawatankuasa Rukunegara dan akhbar serta sumber sekunder seperti buku. Manakala bagi pendekatan kuantitatif seramai 120 orang responden yang terdiri dalam kalangan pelajar sekolah menengah di negeri Sabah dan Sarawak dipilih secara rawak untuk mengisi borang soal selidik yang diberikan secara bersemuka dan atas talian. Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0 bagi mendapatkan nilai skor min, peratusan, kekerapan serta sisihan piawai.

### **Sorotan Kajian**

Pelbagai isu yang berlaku selepas kemerdekaan negara menyebabkan satu prinsip nasional diperlukan bagi mempersaudarakan seluruh rakyat Malaysia. Justeru itu, Rukun Negara diperkenalkan sebagai satu ideologi nasional. Terdapat banyak penulisan dalam kalangan sarjana yang membincangkan mengenai isu kerapuhan kaum. Penulisan oleh Tunku Abdul Rahman (1969) yang bertajuk *May 13: Before and After* perlu dikuasai terlebih dahulu. Negarawan tersebut menyampaikan intipati utama bahawa peristiwa 13 Mei 1969 yang berlaku hampir memusnahkan negara. Namun kebijaksanaan pemimpin dan semangat setiakawan rakyat Malaysia menyebabkan bencana tersebut berjaya ditangani secara bijak dan berhemah. Rentetan peristiwa itu, Jabatan Perpaduan Negara ditugaskan untuk menyediakan draf Rukun Negara kerana melihat peri pentingnya negara mempunyai sebuah ideologi dan pegangan yang dinamakan sebagai Rukun Negara.

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan Rukun Negara. Noor Ashikin Hamid (2021) telah menekankan dalam kajian bertajuk *Rukun Negara as a Preamble to Malaysian Constitution* bahawa rakyat perlu mengetahui *Preamble* 'Mukadimah' Rukun Negara. Hal ini kerana selain menghafal setiap prinsip Rukun Negara, seluruh masyarakat perlu mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat.

Kajian oleh Mohamed Ali Haniffa, Ayu Nor Azilah dan Mohd Adib (2022) membuat

penelitian awal mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi (IPT) terhadap Rukun Negara sebagai medium pembinaan bangsa. Hasil kajian mendapati bahawa tahap keperihatinan mahasiswa dan mahasiswi IPT berada pada tahap tinggi. Hal ini, menunjukkan langkah yang efektif untuk memupuk kesedaran kepada generasi muda.

Selain itu, satu kajian lain turut dilakukan terhadap pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kajian yang dijalankan berkaitan kepentingan pengetahuan perlembagaan, undang-undang dan Rukun Negara untuk kepimpinan yang lebih baik pada masa hadapan. Hasil dapatan membuktikan 100 % pelajar UMS setuju bahawa pengetahuan Rukun Negara, sangat penting untuk memacu kepimpinan negara pada masa hadapan dengan lebih baik (Mohd. Azri Ibrahim et.al, 2021)

### **Draf Rukun Negara**


Kertas Pertimbangan MAGERAN bertajuk ‘RUKUNEGARA’, telah disediakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dengan kerjasama dan bantuan ahli-ahli kumpulan Penasihat Penyelidikan (Research Advisory Group) serta pihak-pihak lain. Dalam draf Rukun Negara pada tahun 1970 ditulis sebagai ‘RUKUNEGARA’ dan merupakan satu dokumen yang menerangkan cita-cita serta tujuan negara (JPN 221 BHG.3:2). Rukun Negara mengandungi prinsip-prinsip yang akan menjadi panduan kepada semua pihak. Pada 27 Januari hingga 28 Januari 1970 draf pertama Rukun Negara dibincangkan oleh Majlis Perundingan Negara dan seterusnya, draf kedua diserahkan semula pada 2 hingga 4 Mac 1970 untuk semakan dan membaiki draf tersebut (JPN 221 BHG.3:2).

MAGERAN telah memutuskan beberapa perkara iaitu mempersetujui draf Rukun Negara dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Seterusnya MAGERAN mempersetujui supaya perkataan “Keluhoran Perlembagaan” sebagai terjemahan “upholding the constitution” bagi menggantikan perkataan “menjunjong perlembagaan”. Akhir sekali MAGERAN memilih tarikh ulang tahun kemerdekaan pada 1970 untuk mengisytiharkan Rukun Negara (JPN 221 BHG.3: 3). Justeru itu, Malaysia telah mewujudkan satu ideologi perpaduan yang dikenali sebagai Rukun Negara selepas peristiwa 13 Mei 1969.

### **Peranan Jabatan Perpaduan Negara Menjelang Tahun 1970**

Ekoran peristiwa 13 Mei 1969, Jabatan Perpaduan Negara mula ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri ([www.jpnin.gov.my](http://www.jpnin.gov.my)). Jabatan ini berperanan untuk mencetak dan mengedarkan Naskhah Buku Kecil Rukun Negara kepada jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Penerangan Malaysia, Kesatuan Guru-Guru, Institusi Pendidikan, Kementerian Pertahanan serta jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Buku yang dicetak dalam pelbagai bahasa bertujuan memberi kefahaman kepada semua lapisan masyarakat. Bagi memastikan tiada pertindihan dalam penyebaran Rukun Negara, kerajaan telah menetapkan bahawa segala usaha dan perkara berkaitan pengagihan serta penerangan Rukun Negara boleh rujuk rajah 1.

### **Rajah 1: Pengagihan Penyebaran Rukun Negara**



**Sumber: Analisis Pengkaji, Siti Nor Zakiah Saidi, (PASAK 8, 2023).**

Rajah 1 di atas menggambarkan proses pengagihan penyebaran Rukun Negara yang telah diselaraskan bagi mengelakkan berlakunya pertindihan dalam penyampaian. Hal ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan daripada surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kerja Jabatan Perpaduan Negara (UHEA 221 Bhg.3 (A)/10 1970):

“Bagaimana pun ada-lah perlu supaya usaha2 penyebaran Rukunegaraini tidak akan berlipat ganda (duplicated). Bagi mengelakkan terjadinya perkara ini segala usaha penyebaran baik-lah diselaraskan. Oleh kerana Kerajaan telah menetapkan bahawa segala usaha dan perkara bersangkutan dengan penyebaran Rukunegara hendak-lah di- kendalikan oleh Kementerian Penerangan dan Kebudayaan, maka Ketua2 Jabatan dan orang2 yang berkenaan ada-lah di-minta supaya menyampaikan segala soalan bersangkutan dengan penyebaran Rukunegara kepada Kementerian Penerangan dan Kebudayaan dan tidak lagi kepada Jabatan ini”.

Penyebaran secara menyeluruh terhadap naskhah buku kecil Rukun Negara ini menunjukkan bahawa pemahaman dan penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara perlu disebarluaskan dalam kalangan pelajar sekolah terutamanya. Sehubungan itu, kajian ini telah memilih seramai 120 orang pelajar sekolah menengah di negeri Sabah dan Sarawak sebagai responden untuk menjawab soal selidik yang diberikan.

### **Analisis dan Dapatan Kajian**

Seramai 120 orang responden dari pelajar sekolah menengah di negeri Sabah dan Sarawak dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik ini. Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian *Statiscal Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0 bagi mendapatkan nilai skor min, peratusan, kekerapan serta sisihan piawai. Fokus dapatan untuk perbincangan adalah merangkumi:

- a) Demografi (negeri, jantina, umur, etnik dan jenis sekolah).
- b) Skor peratusan % min keseluruhan pelajar sekolah menengah Sabah dan Sarawak.
- c) Tahap pemahaman mengikut komponen prinsip Rukun Negara (skor min).
- d) Tahap penghayatan mengikut komponen prinsip Rukun Negara (skor min).

**a) Demografi**

**Jadual 1.1: Taburan Pelajar Sekolah Menengah Mengikut Negeri**

Perihal	Kekerapan	Peratusan
Sabah	61	50.8
Sarawak	59	49.2
Total	120	100.0

Sumber: Dapatan Kajian, 2023

Jadual 1.1 diatas menunjukkan taburan responden pelajar sekolah menengah di negeri Sabah dan Sarawak. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti 50.8 peratus (61) adalah lebih ramai dari negeri Sarawak 49.2 peratus (59).

**Jadual 1.2: Taburan Pelajar Sekolah Menengah Mengikut Jantina**

Perihal	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	45	37.5
Perempuan	75	62.5
Total	120	100.0

Sumber: Dapatan Kajian, 2023

Jadual 1.2 di atas menunjukkan taburan responden sekolah menengah mengikut jantina. Dapatan kajian menunjukkan pelajar perempuan 62.5 peratus (75) lebih ramai berbanding pelajar lelaki 37.5 peratus (45).

**Jadual 1.3: Taburan Pelajar Sekolah Menengah Mengikut Umur**

Perihal	Kekerapan	Peratusan
13-15 Tahun	11	9.2
16-17 Tahun	79	65.8
18-20 Tahun	30	25.0
Total	120	100

Sumber: Dapatan Kajian, 2023

Jadual 1.3 di atas menunjukkan taburan responden pelajar sekolah menengah di negeri Sabah dan Sarawak mengikut umur. Hasil kajian mendapati majoriti responden adalah dalam kalangan mereka yang berumur lingkungan 16 hingga 17 tahun 65.8 peratus (79)

lebih ramai berbanding pelajar 18 hingga 20 tahun 25.0 peratus (30). Seterusnya responden paling sedikit dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang berumur lingkungan 13 hingga 15 tahun 9.2 peratus (11).

**Jadual 1.4: Taburan Pelajar Sekolah Menengah Mengikut Etnik**

<b>Perihal</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Melayu	24	20.0
Cina	12	10.0
India	2	1.7
Bumiputera Sarawak	26	21.7
Bumiputera Sabah	56	46.7
Orang Asli	0	0.0
<b>Total</b>	<b>120</b>	<b>100</b>

**Sumber: Dapatan Kajian, 2023**

Jadual 1.4 di atas menunjukkan taburan responden pelajar sekolah menengah mengikut etnik di negeri Sabah dan Sarawak. Dapatan kajian mendapati majoriti responden dalam kalangan etnik Bumiputera Sabah 46.7 peratus (56) lebih ramai berbanding etnik Bumiputera Sarawak 21.7 peratus (26) dan etnik Melayu 20.0 peratus (24). Seterusnya, diikuti etnik Cina mencatat 10.0 peratus (12) dan etnik India 1.7 peratus (2). Manakala, tiada responden daripada mewakili etnik Orang Asli.

**Jadual 1.5: Taburan Pelajar Sekolah Menengah Mengikut Jenis Sekolah**

<b>Perihal</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Tingkatan 6/ Kolej Tingkatan 6	39	32.5
SMK/SMKA/KV/SMT	81	67.5
<b>Total</b>	<b>120</b>	<b>100</b>

**Sumber: Dapatan Kajian, 2023**

Jadual 1.5 di atas menunjukkan taburan responden mengikut jenis sekolah menengah di negeri Sabah dan Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden adalah pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)/ Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)/ Kolej Vokasional (KV)/ Sekolah Menengah Teknik (SMT) 67.5 peratus (81) lebih ramai berbanding pelajar Tingkatan 6/ Kolej Tingkatan 6 sebanyak 32.5 peratus (39).

## **2.0 Mengkaji tahap pemahaman dan penghayatan keseluruhan pelajar sekolah menengah negeri Sabah dan Sarawak terhadap prinsip Rukun Negara.**

Soalan menggunakan 7 Skala Likert (Chua, 2011) responden diminta menanda di ruang

yang disediakan dengan jawapan seperti di bawah:

Pemahaman	Penghayatan
1= Tidak Faham Langsung	1= Tidak Pernah Langsung
2= Tidak Faham	2= Tidak Kerap
3= Kurang Faham	3= Kadang-Kadang
4= Tidak Pasti	4= Tidak Pasti
5= Faham	5= Kerap
6= Amat Faham	6= Amat kerap
7= Sangat-Sangat Faham	7= Sentiasa


Setelah jawapan diperolehi, tafsiran ke atas jawapan menggunakan julat nilai min (Mohd Majid, 1990) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.0 di bawah.

**Jadual 2.0 : Skala interpertasi min.**

Nilai Min	Interpretasi
1.00 – 2.20	Sangat Rendah
2.21 – 3.40	Rendah
3.41 – 4.60	Sederhana
4.61 – 5.80	Tinggi
5.81 – 7.00	Sangat Tinggi

Sumber: Mohd Majid Konting (1990)

**b) Rajah 2.1: Skor Min Keseluruhan Pelajar Sekolah Menengah**




Sumber: Dapatan Kajian, 2023

Berdasarkan rajah 2.1 didapati secara keseluruhan pembolehubah berada pada tahap tinggi (min = 5.37; sp =.773). Dapatan kajian menunjukkan tahap pemahaman min 5.61 dan

penghayatan min 5.13 terhadap Rukun Negara dalam kalangan pelajar sekolah menengah adalah pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, dalam rajah di atas jelas memaparkan penghayatan pelajar sekolah menengah kurang berbanding pemahaman. Oleh yang demikian, kajian ini mampu memberi laluan atau pendorong kepada pelbagai pihak terutamanya insititusi pendidikan agar lebih menerapkan prinsip ini di sekolah untuk dipraktikkan.


**c) Rajah 2.2: Tahap pemahaman mengikut komponen prinsip Rukun Negara (skor min).**



**Sumber: Dapatan Kajian, 2023**

Rajah 2.2 mendapati secara keseluruhannya tahap pemahaman pelajar sekolah menengah di negeri Sabah dan Sarawak terhadap prinsip rukun negara berada pada tahap tinggi. Hasil kajian menunjukkan *Kepercayaan kepada Tuhan* min 5.993 berada pada tahap sangat tinggi. *Kesopanan dan Kesusilaan* min 5.702, *Kedaulatan Undang-Undang* min 5.565 dan *Keluhuran Perlembagaan* dengan catatan min 5.398 berada pada tahap tinggi. Seterusnya, kefahaman terhadap prinsip *Kesetiaan Kepada Raja dan Negara* min 5.393 juga berada pada tahap tinggi.

**d) Rajah 2.3: Tahap penghayatan mengikut komponen prinsip Rukun Negara (skor min).**



Sumber: Dapatan Kajian, 2023

**Jadual 2.1: Tahap penghayatan mengikut komponen prinsip Rukun Negara (Kesetiaan Kepada Raja dan Negara).**

No.	Indikator	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	DKRN1 Saya mengibarkan bendera Jalur Gemilang pada sambutan Bulan Kemerdekaan Negara.	5.63	1.534	Tinggi
2	DKRN2 Saya akan mempertahankan negara apabila dikritik oleh orang luar.	5.87	1.209	Sangat Tinggi
3	DKRN3 Saya berkongsi poster dirgahayu tuanku di media sosial pada setiap kali sambutan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong.	4.03	1.782	Sederhana
4	DKRN4 Saya kerap terlibat dalam kempen pemilihan pemimpin di kawasan kediaman saya.	3.57	1.882	Sederhana
5	DKRN5 Saya sering berbincang dengan rakan-rakan tentang masa depan negara	4.42	1.859	Sederhana
<b>Min Kesetiaan Kepada Raja dan Negara</b>		<b>4.703</b>	<b>1.200</b>	<b>Tinggi</b>

Rajah 2.3 mendapati tahap penghayatan pelajar sekolah menengah terhadap prinsip rukun negara berada pada tahap tinggi secara keseluruhannya, bagi prinsip *Kesopanan dan Kesusilaan* min 5.72 dan *Kedaulatan Undang-Undang* min 4.989. Seterusnya, *Kepercayaan kepada Tuhan* min 5.27 dan *Keluhuran Perlembagaan dan* dengan catatan min 5.084

menunjukkan tahap penghayatan berada pada tahap tinggi. Manakala, prinsip *Kesetiaan kepada Raja dan Negara* mendapati min 4.70 sahaja. Hal ini disokong oleh dapatan kajian menunjukkan, indikator (3) *saya berkongsi poster dirgahayu Tuanku di media sosial pada setiap kali sambutan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong* min 4.03 berada pada tahap sederhana. Selain itu, indikator (4) *saya kerap terlibat dalam kempen pemilihan pemimpin di kawasan kediaman saya* min 3.57 dan indikator (5) *saya sering berbincang dengan rakan-rakan tentang masa depan negara* min 4.42 juga menunjukkan tahap penghayatan dalam kalangan pelajar sekolah menengah berada pada tahap sederhana sahaja. Oleh yang demikian, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penghayatan kurang berbanding tahap pemahaman dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Di samping itu juga, hasil kajian memperlihatkan kepada umum bahawa prinsip rukun negara yang kedua iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara bagi pemahaman min 5.393 dan penghayatan min 4.70. Walaupun berada pada tahap tinggi namun, masih kurang berbanding prinsip rukun negara yang lain. Sehubungan itu, untuk mendukung falsafah pendidikan kebangsaan, penghayatan terhadap prinsip rukun negara perlu disebarluaskan melalui pendidikan (Mohamed Ali Haniffa et.al., 2022).

## **Kesimpulan**

Kajian ini memberikan gambaran awal mengenai tahap pemahaman dan penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Sabah dan Sarawak. Hasil kajian membuktikan bahawa tahap penghayatan terhadap prinsip Kesetiaan kepada Negara berada rendah sedikit berbanding prinsip-prinsip Rukun Negara yang lain. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan untuk terus melestarian prinsip Rukun Negara, pihak kerajaan perlu bergerak seiring dengan peredaran teknologi dan semasa dengan menyebarkan nilai prinsip Rukun Negara dengan kaedah yang efektif dengan menggunakan medium digital seperti video, infografik, dan artikel yang menerangkan nilai sejarah, institusi beraja, peranan raja dalam perlembagaan. Oleh itu, langkah ini dilihat dapat memupuk semangat setia kepada Raja dan Negara dengan cara yang menarik dan bersifat ilmiah. Seterusnya, pihak sekolah perlu menerapkan nilai kesopanan dan kesusilaan dalam aktiviti kokurikulum secara efektif untuk melestarian rukun negara dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Pasak pemerksaan dan pelestarian Rukun Negara ini ibarat tiang seri kepada anak bangsa untuk mengekalkan keharmonian dan integriti sebagai rakyat Malaysia.

## **Penghargaan**

Artikel ini dihasilkan berasaskan dana Geran *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)*: Pembinaan Indeks Bina Bangsa Malaysia (IBBM) Berdasarkan kepada Pemetaan Rukun Negara Dalam Kalangan Warganegara Malaysia. (Kod Geran: S/O:FRGS20133), Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi. Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Research Management Centre, Universiti Utara Malaysia.

## Rujukan

- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah penyelidikan*. Mc Graw Hill Education.
- Hirschman, Charles. (1971). *Ethnic stratification in West Malaysia*. University of Wisconsin.
- Jabatan Perpaduan Negara, JPN 221 BHG.3, Jawatankuasa Rukunegara.
- Kementerian Penerangan Malaysia, UHEA 221 BHG.3 (A), Rukunegara Penerangan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan  
<https://www.moe.gov.my/index.php/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Leon Comber. (1985). *Sejarah perhubungan Melayu –Cina*. Terj. Omardin Haji Ashaari. Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Mohamed Ali Haniffa, Mohd Mahazan Awang, Nurhijrah Zakaria, Nor Azlah Sham Rambely, Ayu Azilah Mohamad, dan Siti Nor Zakiah Saidi. (2022). 'Mengupayakan pemahaman Rukun Negara dalam kalangan warganegara Malaysia', dalam Abdul Aziz Abdul Rahman (editor). *Rukun Negara dan Pancasila Ideologi dan Amalan*. Universiti Malaysia Pahang.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Ali Haniffa, Ayu Nor Azilah Mohamad dan Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir. 2021. Rukun Negara Sebagai Medium Pembinaan Bangsa: Penelitian Awal Terhadap Mahasiswa dan Mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi (IPT), *Proceeding of 8<sup>th</sup> International Research Management and Innovation Conference (8<sup>th</sup> IRMIC 2021)*, hlm.14-23.
- Mohd. Azri Ibrahim, Romzi Ationg, Mohd. Sohaimi Esa, Abang Mohd. Razif Abang Muis, Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff dan Saifulazry Mokhtar. 2021. Pengetahuan Terhadap Ilmu Perlembagaan, Undang-Undang dan Rukun Negara dalam Konteks Kepimpinan: Kajian Kes Pelajar Universiti Sabah (UMS), *Journal of Islamic, Sosial, Economics and Development (JISED)*, Vol: 6, Issues: 38, hlm.45-59.
- Nik Anuar Nik Mahmud.(2000). *Tragedi 13 Mei 1969: "Rahmat Tersembunyi"*, Kertas Kerja Seminar Mingguan FSSK.
- Noor Ahikin Hamid, Hussain Yusri Zawawi, Mahamad Naser Disa dan Ahmas Zafry Mohamad Tahir. 2021. 'Rukun Negara as a preamble to Malaysia Constitution', *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 29. (S2);29-42.
- Nor Azlah Sham Rambely. (2018). *Tragedi 13 Mei 1969 : Dari paradigma konflik ke dimensi kesepaduan sosial dalam memperkasakan hubungan etnik masa kini*. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM.
- Sejarah Kementerian Perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).<https://www.jpnin.gov.my/web/sejarah-jpnin>.
- Siti Nor Zakiah Saidi, Mohamed Ali Haniffa dan Nor Azlah Sham Rambely. (2023). Rukun Negara: *Cerminan kesepaduan nasional*. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-8 (PASAK 8) 10-11 Mei 2023.
- The Straits Echo. Time of Malaya & Pinang Gazette*, 'Overall Situation Tense But Under Control'. Peneng Monday May 19/ 1969 Vol. 64. No 114.hal.1.
- Tunku Abdul Rahman Putra. (1969). *May 13: Before and after*. Utusan Melayu Berhad.